

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HJ. AHMAD NAZLAN B. IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN :

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian bercadang menaik taraf sistem keselamatan penjara-penjara di Malaysia seperti menaik taraf serta menambah kamera litar tertutup bagi mengawasi kawasan persekitaran luar dan dalam penjara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Dimaklumkan bahawa Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu (SKEB) yang membawa maksud sistem yang telah diintegrasikan bersama *Closed Circuit Television System* (CCTV), pagar keselamatan, alat penggera, *guard tour* dan lain-lain peralatan pemantauan.

Walau bagaimanapun masih terdapat penjara yang hanya dipasang dengan CCTV. Sehubungan itu, bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan dan pemantauan kerajaan juga telah meluluskan sejumlah peruntukkan bagi tujuan pemasangan SKEB di penjara-penjara yang belum mempunyai sistem berkenaan.